

KEJAYAAN PELAJAR SKKI DI BANGKOK INTERNATIONAL INTELLECTUAL PROPERTY, INVENTION, INNOVATION AND TECHNOLOGY EXPOSITION DENGAN BIMBINGAN STAF FKA UITM

2 Februari 2020 – 6 Februari 2020

Kategori	:	Corporate Social Responsibility (CSR)	Sub-Kategori	:	Pertandingan, Anugerah, Sukarelawan/Kemasyarakatan
Peringkat	:	Antarabangsa	Bahagian	:	ICAEN
Pelapor	:	Dr Marfiah Ab.Wahid			
Tempat	:	Bangkok International Trade & Exhibition Centre (BITEC), Thailand.			
Penganjur	:	The National Research Council of Thailand (NRCT) Sekolah Kebangsaan Kampung Idaman, Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi MARA			
Penglibatan/Kerjasama	:	1 Staf FKA 3 Pelajar SKKI 3 Guru SKKI			

Keterangan Program

Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition on Occasion of Thailand Inventors' Day 2020 adalah sebuah pertandingan peringkat antarabangsa yang telah dilaksanakan pada 2-6 Februari 2020 di Bangkok. Pertandingan ini berlangsung di Bangkok International Trade & Exhibition Centre (BITEC), Thailand. Pertandingan ini melibatkan beberapa sekolah diperingkat antarabangsa dan merupakan acara tahunan di Thailand. Negara negara yang menyertai pertandingan ini termasuklah Poland, Iran, Korea, Jepun, Thailand, Indonesia, Kanada, Filipina, Vietnam, Arab Saudi, Laos, Hong Kong dan China. Jumlah penyertaan adalah sebanyak 2000 pasukan. Sekolah Kebangsaan Kampung Idaman (SKKI) dari Klang telah berjaya mendapat "Gold medal" dan satu-satunya pasukan dari Malaysia yang berjaya meraih "Special Award - International I-New Gen Award" pada pertandingan tersebut. Projek inovasi yang bertajuk "Mint Guava Leaf in Pineapple Fibre Sachet" ini adalah idea asal para guru sekolah tersebut yang diketuai oleh Cikgu Daniel Heryanto. Projek inovasi ini telah mendapat kerjasama dari beberapa agensi seperti MARDI dan lain lain. Pensyarah FKA iaitu Dr Marfiah Ab.Wahid adalah mentor kepada projek inovasi ini. SKKI merupakan sekolah angkat FKA semenjak 2015 dan banyak program STEM dan inovasi telah dilaksanakan bersama-sama para guru dan pelajar sekolah tersebut. Ini adalah pencapaian kedua selepas IYIA 2019 di Jakarta, Indonesia yang turut menggondol "gold award". Usahasama berterusan ini adalah untuk menggalakkan penyertaan dan memupuk minat pelajar dari peringkat rendah untuk subjek STEM. Projek ini juga telah mendapat sokongan penuh dari gurubesar sekolah Cikgu Hamidi bin Shariff dan PIBG sekolah tersebut.

Pencapaian

Sekolah Kebangsaan Kampung Idaman (SKKI) dari Klang telah berjaya mendapat "Gold medal" dan satu-satunya pasukan dari Malaysia yang berjaya meraih "Special Award - International I-New Gen Award"

Pasukan SKKI bekerjasam dengan UiTM, Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) dan Malaysian Agricultural Research and Development

- : Institute (MARDI) juga dalam proses untuk merealisasikan idea mereka menjadikan produk "Mint Guava Leaf in Pineapple Fibre Sachet" sebagai produk yang dipasarkan. Perkembangan ini dikongsi bersama Bernama.com pada laman sesawang <https://www.bernama.com/en/features/news.php?id=1854261#.XvRWzqVr5ew>

